



## **“KUNCI KE SYURGA”**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ وَبِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ  
عِنْدَكُمْ أَكْبَرُ أَحَدٌ هُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُولْ لَهُمَا أَفْ وَلَا تَنْهِرْهُمَا وَقُلْ لَهُمَا

## قَوْلَاتٍ كَرِيمًا ﴿٢٣﴾ سورة الإسراء:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيْكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

**SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN.**

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasih sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah hari ini akan membicarakan tajuk: “Kunci Ke Syurga”.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH.

Islam amat memuliakan insan yang bergelar ibu dan bapa. Memuliakan ibu atau bapa, bukanlah dengan memberi harta yang berlimpah ruah tetapi dengan akhlak yang baik dari anak-anak. Ini adalah antara ciri-ciri orang beriman yang

dicintai oleh Allah SWT. Atas kemuliaan dan ketinggian kedudukan ibu dan bapa di dalam agama, maka Allah SWT mewajibkan kita berlaku ihsan kepada kedua-duanya. Firman Allah SWT dalam Surah An Nisa ayat 36:

﴿وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالَّدَيْنِ إِحْسَنَا﴾

**Maksudnya:** “Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua; dan berbuat baiklah kepada kedua ibubapa....”

Para pentafsir al-Quran menjelaskan bahawa maksud berbuat baik kepada ibubapa ialah kita berusaha mencari keredhaan dan menggembirakan hati kedua-duanya. Keredhaan Allah SWT adalah bergantung kepada keredhaan ibubapa manakala kemurkaan ibubapa menyebabkan kemurkaan Allah SWT. Oleh itu, jelas sekali bahawa menjadi kewajiban seorang anak untuk memuliakan dan memastikan keperluan ibu bapanya di penuhi sebaik mungkin sama ada fizikal, mental dan emosi supaya mereka berada dalam situasi bahagia dan sejahtera.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Anak-anak yang mengasihi ibu bapa mereka akan sentiasa memelihara akhlak dan sahsiah diri menuju jalan kemuliaan. Antara sikap mulia anak-anak kepada ibubapa adalah berlemah lembut, berbudi bahasa, tidak derhaka dan sentiasa ingat pengorbanan mereka. Bahkan ini adalah elemen penting dalam pemupukan nilai-nilai dalam berkeluarga dan merupakan suatu tuntutan dalam hidup beragama terutamanya apabila mereka mencapai usia emas.

Setidak-tidaknya ada lima Nilai Teras Keluarga Bahagia berkonsepkan **KASIH** iaitu Kasih Sayang, Berakhhlak, Sihat, Selamat, Berilmu dan Harmoni yang boleh diamalkan. Namun, jika elemen nilai ini diketepikan maka terjadilah kes anak yang berjaya dalam hidup, punya nama, pangkat dan harta tetapi gagal menyantuni ibubapanya. Lebih memilukan, ia mendatangkan tekanan emosi yang teruk kepada ibubapa sehingga menjaskan tahap kesihatan mereka.

Menurut kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia kelima (KPKM-5), Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) 2014, terdapat kira-kira 2.77 juta warga emas berusia 60 tahun dan ke atas iaitu 9 peratus daripada 30.49 juta populasi penduduk di negara ini.

Apa yang membimbangkan, ada di kalangan mereka yang tinggal berseorangan ataupun bersama pasangan mengalami *rasa kesunyian* dan rendah tahap *interaksinya* dengan ahli keluarga. Oleh itu, situasi ini perlu diberi perhatian serius oleh anak-anak kerana ia mungkin memberi kesan kepada kestabilan emosi, kesihatan dan ekonomi ibu dan bapa kita.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Dewasa ini, masih ada lagi masyarakat yang mengabaikan tanggungjawab kepada ibubapa mereka. Bahkan masih ada juga yang tidak mempedulikan nasib ibubapa dan kurang prihatin terhadap kesusahan ibubapa mereka. Ingatlah, bahawa mereka sudah terlalu banyak berkorban dan berjasa dalam membesarkan kita. Justeru, menghayati pengorbanan mereka dalam tempoh sehari adalah tidak memadai. Bahkan kita dituntut mengenang jasa mereka dengan kasih sayang sepanjang hayat kita. Firman Allah SWT dalam Surah al-Ahqaf ayat 15:

(وَصَّيْنَا إِلَّا نَسَنَ بِوَالدِيهِ إِحْسَنًا حَمَلْتَهُ أَمْهُ كُرْهًا وَضَعْتَهُ كُرْهًا وَحَمْلَهُ

وَفِصَّالُهُ تَلْثُونَ شَهْرًا

**Maksudnya:** “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungkannya dan telah melahirkannya dengan bersusah payah. Sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa tiga puluh bulan.”

Sememangnya cabaran menjaga ibubapa yang telah lanjut usia adalah berat. Namun, jika kita sabar dan ikhlas melayan mereka nescaya sudah tentulah kebaikan juga yang dibalas oleh Allah SWT. Yakinlah, bagi balasan baik Allah

SWT telah menjanjikan kebaikan yang tidak terkira terhadap ketaatan dan amal bakti yang dicurahkan oleh seorang anak kepada ibu bapanya.

Sebagai anak kita bertanggungjawab memuliakan ibubapa dengan mentaati mereka, menggembirakan mereka, bersyukur dan menghargai mereka dan sentiasa mengucapkan terima kasih kepada mereka. Dengan amalan mulia ini, Allah SWT memberkati rezeki dan umur kita, menghapuskan dosa dan menjadi jaminan untuk kita memasuki syurga.

Imam Muslim meriwayatkan daripada Abu Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang mafhumnya: “*Sungguh hina, Sungguh hina, Sungguh hina*”. Lalu baginda SAW ditanya: “Siapakah Ya Rasulullah?” jawab baginda SAW: “*Sesiapa yang mendapati kedua ibubapanya yang sudah tua atau salah seorang daripada keduanya, tetapi dia tidak dapat masuk ke syurga (dengan memelihara mereka sebaik-baiknya)*”.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Di hari yang mulia ini, khatib menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita berpesan-pesan kepada diri kita dan anak-anak agar sentiasa peka terhadap apa jua cabaran dan perubahan ibubapa terutamanya insan yang bernama ibu. Sememangnya, pengorbanan ibu itu tidak ternilai dan wajar dibalas dengan penghormatan dan keperihatinan yang ikhlas daripada seorang anak yang pernah berada dalam rahimnya.

Andai ibu masih bersama kita, puas dan bahagiakanlah mereka dengan kasih sayang kita. Sebaliknya, jika telah tiada maka bekalkanlah ibu dengan doa dari kita anak yang soleh. Mudah-mudahan kita beroleh rahmat Allah SWT di dunia dan di akhirat. Bagi mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin menyeru sidang Jumaat sekalian untuk sama-sama menghayati intipati khutbah yang telah disampaikan iaitu:

- Pertama:** Mentaati dan mematuhi kedua ibubapa melebihi segala-galanya selagi mana mereka tidak menderhakai Allah SWT.
- Kedua:** Mengutamakan kasih sayang terhadap ibubapa dengan menghormati dan membala jasa mereka.
- Ketiga:** Umat Islam dilarang menyakiti hati ibubapa kerana ia termasuk dosa besar dan balasannya sangat berat di sisi Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ (وَصَّيَّنَا الْإِنْسَنَ بِوَلَدِيهِ حُسْنًا وَإِنْ جَهَدَاكَ لِتُشْرِكَ بِي  
مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطْعِهِمَا إِلَى مَرْجِعِكُمْ فَإِنِّي أَعْلَمُ بِمَا كُنْتُ تَعْمَلُونَ)

**Maksudnya:** “Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; dan jika mereka berdua mendesakmu supaya engkau mempersekuatkan Dengan-Ku dengan sesuatu yang tidak engkau ketahui tentangnya, maka janganlah engkau taat kepada mereka. Kepada Akulah tempat kembali kamu kemudian Aku akan menerangkan kepada kamu segala yang kamu telah kerjakan.” (Surah Al ‘Ankabut : 8)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِيْ وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقْبِيلِ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا  
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهِ الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَابِيحِ الْغَرِيرِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرْ.

وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَا فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزُلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الظَّرِينَ

ءَامَنُوا صَلَوَأَعْلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَحِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلُفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَيِّ بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيِّ ابْنِ أَيِّ طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَاسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيْدِيهِمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَغْلِلْ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالْتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُّلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ  
مَلِكِنَا:

كباوه دولي يغ لها موليا سري قادوك بكتيندا يغ دفتروان أكنوغ كلها بلس  
سلطان محمد كلها وعلی کل قرابته أجمعین

أَصْلَحْ اللَّهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَضَّ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمْ  
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلُوزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا. وَارْزُقْهُمُ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ  
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً  
مُطْمَئِنَةً رَّحِيْةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَفِّقْنَا  
جِمِيعًا لِطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٌ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةً مَنْ أَمْرَتَنَا  
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

(رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَابُ )  
(رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ )  
عِبَادَ اللَّهِ، (إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَاتِ وَيَنْهَا  
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ )  
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.